



conference proceeding



SIMPOSIUM NUSANTARA⁹

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Organized by:
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE: EP340

AL-JUWAYNI: BIOGRAFI DAN SUMBANGANNYA DALAM BIDANG ILMU KALAM DI NUSANTARA

**Khalid Ismail, Siti Fatimah Sudin, Mohammad Shuib, Muhammad Syahid Ahmad,
Amin Che Ahmat**

Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Perlis), Malaysia

Abstrak

Kertas kerja ini bertajuk “*Al-Juwayni: Biografi dan Sumbangannya dalam bidang ilmu kalam*”. Nama penuh beliau ialah Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf bin Muhammad bin Abdullah bin Haiyuyah. Juwayn adalah nama salah satu tempat di Naysaburi Iran. Beliau juga dikenali sebagai Abu al-Ma’ali Imam al-Haramayn. Dilahirkan pada tahun 419H dan meninggal dunia pada 478H ketika berusia 59 tahun akibat penyakit jaundis. Beliau banyak menyumbang dalam perkembangan ilmu Islam terutamanya dalam ilmu kalam menerusi karyanya *kitab al-Shamil* dan *al-Irshad*. Antara murid beliau yang terkenal ialah Imam al-Ghazali pengarang *Ihya’ Ulum al-Din*, *al-Munqidh min al-dalal*, *al-Iqtisad fi al-I’tiqad* dan lain-lain. Pengaruh al-Juwayni yang diwarisi oleh al-Ghazali melalui penulisannya yang disebar ke alam Melayu telah banyak mempengaruhi pemikiran ilmuan Islam di Nusantara. Justeru itu secara tidak langsung telah menonjolkan pengaruh pemikiran al-Juwayni dalam ilmu kalam di Nusantara

Kata Kunci: al-Juwayni; Al-Ghazali; Nusantara

1. Pengenalan

Imam Haramayn al-Juwayni merupakan salah seorang tokoh penting par excellence dalam perkembangan teologi Islam. Selain itu, beliau juga dikenali sebagai manusia ensiklopedia yang banyak menyumbang dalam bidang pemikiran Islam seperti logik, usul al-fiqh, sastra Arab dan lain-lain. Ketokohnya telah melahirkan ramai sarjana besar seperti Abu al-Mahasin, al-Mushili, al-Khawafi dan Imam al-Ghazali yang dianggap sebagai salah satu rujukan utama di nusantara. Sumbangan agungnya terhadap ilmu kalam adalah sangat besar terutama dalam perkembangan sejarah mazhab Ash’ari. Beliau telah menggabungkan antara permasalahan falsafah dan doktrin teologi dengan menggunakan argumentasi rasional serta membangunkan pengaruh atau kesan epistemologi-teologi Imam al-Ash’ari terutamanya dalam dua karya agung iaitu *kitab al-Shamil* dan *al-Irshad*.

2. Kehidupan Al-Juwayni

Nama penuh beliau ialah Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf bin Muhammad bin Abdullah bin Haiyuwiyah. Beliau juga dikenali dengan beberapa gelaran seperti al-Juwayni^{*}, Abu al-Ma’ali,[†] Imam al-Haramayn,[‡] Diya al-Din dan Fakhr al-Islam. Beliau dilahirkan pada Muharram 419 H bersamaan Februari 1028 M. Bagi mendapat gambaran yang lengkap mengenai sejarah kehidupannya, adalah lebih baik kita meninjau dahulu latar belakang perkembangan politik serta aktiviti-aktiviti intelektual beliau pada zamannya, iaitu sekitar awal abad ke-11 M.

Terdapat tiga perkembangan politik utama sepanjang kehidupan beliau. Pertama, kelemahan kuasa pemerintahan kerajaan Abbasiyyah terhadap negara jajahan takluknya serta ketidakstabilan politik terutamanya pada zaman khalifah al-Makmun. Ini dapat dilihat berdasarkan masalah dalaman yang berlaku seperti pemberontakan di antara wilayah-wilayah kecil, serta penentangan terhadap kerajaan pusat.

Kedua, negeri-negeri kecil bekas jajahan takluk kerajaan Abbasiyyah mula memerdekakan negeri mereka daripada cengkaman kuasa di Baghdad. Kesannya membawa impak negatif kepada Muslim Sunni, di mana pemerintah Syiah berjaya mengawal kuasa di beberapa tanah jajahan seperti Hamadan di utara Syria dan

^{*} Nisbah Juwayni adalah asal dari sebuah bandar kecil di Khurasan yang disebut Juwayn atau Kuwayn yang terletak dalam daerah Naysabur di sebelah timur Iran.

[†] Abu al-Ma’ali mengisyaratkan kehebatannya dalam kalangan ahli teologi Sunni dan juga merupakan salah seorang tokoh besar terakhir sekolah teologi Asha’ri

[‡] Disebabkan beliau menetap di Mekah dan Madinah, bermaksud pemimpin dua kota suci.

Mesopotamia, Qaramitah di Bahrayn dan selatan Arab Saudi, Fatimiyah di utara Afrika dan Mesir, Samaniyyah di Khurasan, Zirayariyyah di Tabaristan dan Jurjan, Buwaihiyyah dan Seljuqiyyah di timur Iran.

Ketiga, situasi krisis fanatik mazhab di antara dua kumpulan Buwaihiyyah dan Seljuqiyyah. Dengan kembalinya kekuasaan kerajaan Buwaihiyyah pada (320 H/945 M), bermulalah polisi terbuka terhadap penganut mazhab Syiah dan penindasan terhadap mazhab Sunni. Walau bagaimanapun, dari tahun (426 H/1034 M) hingga tahun (531 H/1136 M), telah muncul kerajaan Seljuq di Khurasan di bawah pemerintahan Tughril Beg yang menyokong mazhab Hanbali dan menentang mazhab Ash'ari sehingga muncul penggantinya Sultan Alp Arslan serta perdana menteri Nizam al-Mulk. Nizam al-Mulk telah menjadikan mazhab Asha'ri sebagai doktrin rasmi kerajaan Seljuq dan beliau juga mengasaskan universiti Nizamiyyah di Baghdad pada tahun (459 H/1066 M) serta mempertahankan penyebaran aliran Asy'ariyyah.

Dari sudut perkembangan intelektual pada era al-Juwayni, beliau telah menyaksikan perkembangan pesat disiplin ilmu-ilmu Islam dari segi metodologi dan doktrin. Jelas, al-Juwayni telah menghadapi suatu situasi di mana komuniti masa itu amat dahagakan kepada ilmu pengetahuan Islam seperti aqidah, kalam, falsafah dan tasawuf.

Justeru itu pada abad kelima hijrah, kota Naysabur dikunjungi para ilmuan dan cendekiawan terutamanya dalam disiplin teologi samada aliran Mukhtazilah dan Asha'irah. Antara sarjana teologi yang masyhur pada era tersebut ialah, Abd Turab al-Maraghi,[§] Abu Bakar al-Bayhaqi (meninggal 458H/1065M) dan Ibn Yusuf al-Qazwini^{**} (meninggal 482H/1089M).

Pada era tersebut juga, aliran Mukhtazilah merupakan satu aliran teologi yang paling dominan dan berpengaruh sehingga timbul satu isu kontroversial, iaitu isu al-Quran adalah makhluk dan penafian sifat Allah yang sentiasa bercanggah dengan aliran Asha'irah. Keadaan ini telah melahirkan satu konflik antara aliran Mukhtazilah dan Asha'irah. Imam al-Juwayni telah memainkan peranan penting dalam mempertahankan doktrin Asha'irah dan menolak dengan hujah-hujah yang jitu dan rasional.

2.1 Latar Belakang Keluarga

Beliau dibesarkan dalam keluarga yang amat komited kepada ilmu pengetahuan. Ayahnya, Abu Muhammad Abdullah b. Yusuf al-Juwayni terkenal sebagai seorang sarjana Islam dalam bidang philologi, usul al-fiqh, tafsir, kesusasteraan dan sintaksis. Ayahnya juga pernah dianggap oleh komuniti masa itu sebagai mujtahid dan secara konsensus beliau memang diiktiraf sebagai salah seorang tokoh cendekiawan Islam serta menjadi rujukan kerana kehebatan dan penguasaan pelbagai disiplin ilmu Islam terutamanya dalam bidang tafsir dan fiqh. Antara karyanya dalam disiplin tafsir ialah *al-Tafsir al-Kabir*, disiplin fiqh ialah *al-Tabsirah*, *al-Tadkhirah* dan *Mukhtasar al-Mukhtasar*.

Hasil dari didikan dan bimbingan ayahnya, al-Juwayni menjadi terkenal dalam bidang teologi Ash'ari dan fiqh Shafi'e dan beliau juga sentiasa menjadi sumber rujukan utama pelbagai lapisan masyarakat dalam pelbagai disiplin ilmu Islam.

2.2 Pendidikan Imam Al-Juwayni

Beliau menerima pendidikan awal daripada ayahnya Syeikh Abu Muhammad Abdullah khususnya dalam bidang usul al-fiqh. Selepas kematian ayahnya, beliau telah mengambil alih tugas ayahnya menjadi guru dan pengajar selama beberapa tahun dan kemudian meneruskan pengajian dengan Abu al-Qasim Iskafi.^{††} Beliau sentiasa berulang alik ke Baghdad bagi menambah dan menimba pelbagai cabang ilmu kerana di sana merupakan pusat ilmu pengetahuan yang terbesar.

Seterusnya, beliau meneruskan pengajian di Hijaz selama empat tahun, iaitu di kota Mekah dan Madinah. Pada masa itu beliau dilantik sebagai mufti dan profesor. Salah satu sumbangan terbesarnya ialah menghimpun semua aliran fiqh Shafi'e dari pelbagai sumber yang ada.

Imam al-Juwayni mempunyai ramai guru yang membimbing, antaranya ayah beliau sendiri. Beliau menimba pelbagai ilmu pengetahuan, moraliti dan juga adab. Sebagai seorang yang cintakan ilmu pengetahuan, ayahnya sentiasa memberi kebebasan berfikir terhadap al-Juwayni dan menolak budaya taqlid. Justeru itu ayahnya sentiasa mendorong beliau melakukan kritikan yang konstruktif. Selain dari ayahnya, Imam al-Juwayni juga berguru dengan Qadi al-Husayn dan Abu Muhammad al-Jawhar di Baghdad.

[§] Tokoh aliran Asha'irah yang meninggal pada akhir kurun kelima hijrah dan pernah menjadi qadi di Naysabur

^{**} Tokoh aliran Mukhtazilah yang banyak terlibat dengan para mufasirin dalam mengumpul dan menyusun beberapa jilid kitab tafsir

^{††} Beliau ialah murid kepada Abu Ishaq Isfirayini, seorang tokoh Asha'irah yang terkenal dalam bidang teologi skolastik di Institusi al-Bayhaqi.

Selepas itu beliau beralih pula belajar di madrasah al-Bayhaqi di bawah pengawasan Abu al-Qasim al-Iskafi al-Isfiryani dan juga dengan Abd al-Jabbar b. Ali Muhammad b. Haskam. Kemudian al-Juwayni belajar al-Quran di bawah seliaan Abu Abdullah Muhammad b. Ali b. Muhammad al-Naysabur al-Khubbazi. Seterusnya beliau meneruskan pengajian nahu Arab di bawah Abu al-Hassan Ali b. Fadalah Ali al-Mujashi'i al-Nahwiyy.

Selanjutnya, al-Juwayni mempelajari usul al-fiqh dan linguistik dari seorang guru yang bernama Abu Ali al-Marwizi. Akhir sekali beliau mempelajari ilmu Hadith dari beberapa orang guru, antaranya ialah Abu al-Hassan Muhammad al-Muzki, Abu Sa'id al-Nadhiri dan Abu Sa'id Albak serta Abu Nu'aim al-Hafiz.

2.3 Kematian Al-Juwayni

Menurut ahli biografi Ibn Khallikan (1982), al-Juwayni jatuh sakit menderita beberapa hari sebelum hari kematiannya. Dipercayai beliau menghidapi satu penyakit yang serius dikenali sebagai jaundis. Sebelum hari kematiannya, beliau telah sembuh beberapa kali daripada penyakitnya, kemudian kembali mengajar dan berdiskusi dengan penuntutnya seperti biasa. Tetapi tidak lama kemudian penyakitnya kembali, malahan kali ini lebih teruk hingga beliau terpaksa dipindahkan ke Bustanikan. Beliau kembali menemui tuhan pada hari rabu 25 Rabi'ul Akhir 478H/ Ogos 1085M ketika berusia lima puluh sembilan tahun.

3. Sumbangan Dan Legasi Al-Juwayni Dalam Ilmu Kalam Di Nusantara

3.1 Sumbangan Pemikiran Secara Tidak Langsung Melalui Al-Ghazali

Kemasyhuran dan ketokohan al-Juwayni dalam bidang ilmu kalam tersebar luas di seluruh dunia Islam hingga menyebabkan ramai orang ingin berguru dan belajar dengannya yang bukan sahaja terdiri dari kalangan orang biasa sehingga kepada tokoh-tokoh sarjana. Secara umumnya, beliau mempunyai tiga ratus pelajar dan sarjana yang belajar dengannya ketika itu, seperti: Muhammad b. Hatim Muhammad b. Abd Rahman al-To'i, Ibrahim b. al-Mutahhar b. Tahir al-Shubak al-Jurjani, Ghanim b. al-Husayn Abd Ghanim al-Mushili, Abd al-Rahim b. Abd al-Karim b. Hawazin dan Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. Di antara murid-muridnya yang terkenal serta mempunyai pengaruh yang besar dalam ilmu kalam di Nusantara ialah Imam al-Ghazali.

Al-Juwayni banyak membentuk dan mencorak pemikiran serta kesarjanaan al-Ghazali terutamanya dalam bidang falsafah kalam. Justeru itu dakwaan yang mengatakan al-Ghazali ialah orang yang pertama memperkenalkan falsafah dalam ilmu kalam adalah tidak tepat. Sebenarnya al-Juwaynilah tokoh awal yang memfalsafahkan ilmu kalam dengan memasukkan elemen logik atau mantiq dalam beberapa perbincangan kalamiyah seperti masalah sifat tuhan, masalah keabadian alam, masalah hubungan tuhan dengan alam dan lain-lain. Satu contoh yang jelas bagi menunjukkan pengaruh Imam al-Juwayni kepada al-Ghazali ialah kritikan al-Ghazali terhadap ahli falsafah Islam masya'iyin iaitu Ibn Sina dan al-Farabi dalam karyanya '*Tahafut al-Falasifah*'. Gaya kritikan dan hujahannya saling tidak tumpah seperti gurunya al-Juwayni terutamanya dalam permasalahan keqadiman alam. Dalam karya tersebut al-Ghazali menyatakan kesesatan ahli falsafah dalam dua puluh masalah, tiga menyebabkan kufur dan selebihnya menjadi bid'ah.

Al-Juwayni dikenali juga sebagai tokoh yang mempunyai idea yang asli dan menentang budaya taqlid sebagaimana asuhan yang diterima daripada ayahnya. Begitu juga al-Ghazali dikatakan pernah mendapat gelaran hujjatul Islam membuktikan secara tidak langsung kehebatannya dalam perdebatan, memiliki kebebasan pemikiran dan tidak suka bertaqlid yang juga sedikit sebanyak ada persamaan dengan gurunya al-Juwayni. Jika ketokohan gurunya dalam bidang ilmu kalam dilantik sebagai professor di madrasah Nizamiyyah selama beberapa tahun, begitulah juga al-Ghazali pernah dilantik sebagai profesor ilmu kalam di madrasah yang sama.

Berdasarkan dua fakta di atas kita dapat melihat betapa hebatnya pengaruh al-Juwayni dalam bidang ilmu kalam walaupun secara tidak langsung melalui muridnya al-Ghazali yang terkenal dengan karya falsafahnya seperti *Maqasid al-Falasifah* dan *Tahafut al-Falasifah*. Sememangnya al-Ghazali lebih dekat dengan masyarakat nusantara, namun tidak dapat dinafikan juga kehebatan murid sebenarnya adalah cerminan kehebatan gurunya. Justeru, mengetahui guru seseorang itu menunjukkan sejauh manakah hebatnya kesarjanaan seseorang murid. Penekanan kepada pemilihan guru amat penting dalam proses melahirkan seorang tokoh sarjana dan ilmuwan agung lebih-lebih pada zaman kini yang terlepas pandang akan isu berkenaan.

3.2 Sumbangan Karya Al-Juwayni Dalam Ilmu Kalam Yang Digunakan Di Nusantara

3.2.1 Karya-Karya Utama Imam Juwayni dalam ilmu kalam

Al-Juwayni adalah salah seorang sarjana Muslim yang paling produktif menghasilkan karya dalam pelbagai bidang termasuklah fiqh, teologi, dialektik, sastera, puisi dan lain-lain. Menurut kajian Imam al-Subbki (1905), jumlah karya al-Juwayni adalah sebanyak dua belas buah, Yaqut Hamawi (1957) menyebut tiga buah, Ibn Khallikan (1982) menyebut sepuluh buah, Ibn al-Imad (t.t) menyebut tujuh buah, Yusuf Musa (1985) menyebut sepuluh buah, Abd Rahman Badawi (1971) menyebut dua puluh buah, Brokelman (1937) menyebut sembilan belas buah, Muhammad Ali Uthman (1986) menyebut dua puluh buah dan akhir sekali Fawqiyah Husayn (1970) menyebut dua puluh tujuh buah dalam pelbagai bidang, yang mana sebanyak sepuluh buah adalah dalam bidang ilmu kalam, iaitu:

- *Al-Irshad ila Qawatiq al-Adillah fi Usul al-Iktiqad*
- *Al-Shamil fi Usul al-Din*
- *Risalah fi Usul al-Din*
- *Kitab Qhiyath al-Umam fi al-Thayas al-Zulm*
- *Shifa' al-Ghali fi Bayan ma waqa'a fi al-Thawrah wa al-Injil min al-Ta'dil*
- *Al-Aqidah al-Nizamiyyah*
- *Luma' al-Adillah fi Qawa'id Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*
- *Mukhtasar al-Irshad li al-Baqilani*
- *Masa'il al-Imam Abd al-Haq al-Saq wa Ajwibatuhu li al-Imam Abu al-Ma'ali*
- *Kitab al-Talkhis fi al-Usul*

Walau bagaimanapun, karya al-Juwayni yang masih lagi wujud pada hari ini berjumlah enam buah sahaja, empat buah dalam bentuk buku dan dua buah dalam bentuk perdebatan. Empat buah karya tersebut ialah *Kitab Irshad ila Qawatiq al-aqidah fi usul al-'Itiqad*, *Kitab al-Shamil*, *Kitab al-Aqidah al-Nizamiyyah*, dan *Kitab Luma' al-Adillah fi Qa'waid Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Di antara empat buah buku tersebut, hanya dua buah karya sahaja yang terkenal di nusantara, iaitu *kitab al-Irshad* dan *al-Shamil*. Kedua-dua karya tersebut sangat terkenal di nusantara sehingga dijadikan sebahagian daripada kurikulum utama pusat pengajian Islam tradisional, contohnya di selatan Thailand dan di utara semenanjung Malaysia. Ini dapat dilihat dalam tradisi pengajian sifat dua puluh oleh komuniti Islam nusantara.

Berdasarkan kepada kedua kitab tersebut juga, beliau telah mengembangkan beberapa doktrin teologikal mazhab Ash'ari yang juga menjadi pegangan rasmi mazhab ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di nusantara. Metod-metod penghujahan yang digunakan beliau lebih halus daripada sarjana-sarjana sebelumnya. Matlamatnya masih polemik dan juga mengemukakan doktrin atomistik dalam bentuk yang lebih rasionalistik dan falsafik.

Dalam menganalisa metod dan doktrin kalam beliau melalui dua karya tersebut, sebenarnya tidaklah banyak perbezaan dengan tokoh-tokoh Ash'ari yang lain kecuali hanya dalam beberapa isu sahaja seperti teori *Ahwal* Abu Hashim, metod *ta'wil*, masalah sifat Allah dan seumpamanya. Sebagai contoh, beliau sependapat dengan Imam al-Baqillani yang mengatakan bahawa Allah SWT bersifat *baqa'* tetapi *baqa'* dengan zatnya tidak dengan sifatnya. Sedangkan posisi Imam Abu al-Hasan Ash'ari sendiri berpendapat sebaliknya. Walau bagaimanapun tokoh-tokoh mazhab Ash'ari di kurun-kurun yang terakhir berpendapat bahawa *Baqa'* adalah satu sifat Allah SWT. Begitu juga dengan teori keadaan atau *ahwal*, Imam al-Juwayni dikatakan pada peringkat awal menerimanya tetapi menurut Imam al-Shahrastani, pada peringkat akhir hayatnya beliau telah menolaknya dan kembali berpegang kepada ajaran tasawwuf.

Menurut Omar Jah (1969), Imam al-Baqillani juga telah menolak teori tersebut kemudian barulah diikuti oleh Imam Al-Juwayni. Berkaitan dengan metod *al-Ta'wil* terutamanya sifat-sifat *al-Khabariyyah*, Imam al-Juwayni tidak mempunyai pendirian yang tetap. Dalam kitabnya *al-Irshad* dan *al-Shamil* jelas menunjukkan beliau menolaknya manakala dalam *kitab al-Aqidah al-Nizamiyyah* jelas pula menerimanya. Sebagaimana Imam Abu al-Hasan al-Asha'ari tentang masalah kedudukan tuhan di atas, dalam *kitab al-Luma'* beliau kelihatan menafikan tuhan mempunyai tempat dan arah sedangkan dalam *kitab al-Ibanah* pula beliau menerimanya. Namun begitu, pada akhirnya pemikiran al-Juwayni telah kembali kepada lingkungan pemikiran mazhab ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah serta menjadi salah satu sumber utama rujukan dalam mazhab tersebut yang mana telah menjadi pegangan utama di nusantara.

PENUTUP

Berdasarkan kepada perbincangan di atas kita boleh membahagikan sejarah penghidupannya kepada empat fasa. Pertama ialah fasa kelahirannya termasuklah zaman awal perkembangannya bermula di bandar Naysabur dan

berakhir dengan kematian ayahnya Abdullah al-Juwayni. Kedua, fasa permulaan pengajian dan pembelajarannya dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan yang berakhir dengan penghijrahannya ke Baghdad dan Mekah. Fasa ketiga ialah permulaan penghijrahannya dari satu bandar ke satu bandar yang lain dan menetap di sana buat beberapa tahun, bertemu dan berwacana dengan pelbagai sarjana Muslim serta berakhir dengan kepulangannya ke Naysabur. Manakala fasa terakhir ialah kembalinya beliau ke Naysabur hingga saat kematiannya.

Imam al-Juwayni telah menggunakan ilmu al-Kalam untuk menyelesaikan permasalahan teologi dengan menggunakan hujah-hujah logik dalam mempertahankan aqidah Islam dan juga menyanggah mereka yang tergelincir dari prinsip aqidah. Justeru itu, beliau tidak syak lagi merupakan tokoh pertama Ash'ari yang memperkenalkan ilmu falsafah terhadap ilmu al-Kalam dan juga yang menyanggah idea-idea ahli falsafah dengan menggunakan pendekatan teologi baru.

Sumbangan beliau di nusantara dapat dilihat secara tidak langsung melalui dua aspek, iaitu pengaruh pemikiran beliau terhadap al-Ghazali. Contohnya, dalam permasalahan keqadiman alam yang terdapat dalam kitab *al-Irshad*, hujah yang digunakan al-Juwayni juga terdapat dalam *Tahafut al-Falasifah*. Selain itu, pengaruh al-Juwayni juga dapat dilihat dari segi metod pemikiran al-Ghazali, yang mana beliau telah mewarisi kaedah logik dan falsafah Islam yang bebas dari pengaruh falsafah Yunani serta bebas dari budaya taqlid. Justeru, pengaruh al-Juwayni dapat dilihat melalui karya-karya al-Ghazali yang digunakan secara meluas di nusantara.

Selain itu, dalam konteks hubungan Imam al-Juwayni dan Imam al-Ghazali sekurang-kurangnya terdapat tiga aspek persamaan antara kedua-tokoh tersebut. Pertama, kedua-dua tokoh tersebut menjadi tersohor dalam bidang teologi dan falsafah Islam serta berakhir dengan penglibatan dalam ilmu tasawwuf. Kedua, mereka berdua juga pernah dilantik menjadi tenaga pengajar dan profesor ilmu teologi di madrasah Nizamiyyah, Baghdad. Selain itu, mereka juga telah berhijrah ke tanah Hijaz dalam proses pengembangan ilmu dan intelektual.

Sementara itu, sumbangan beliau secara langsung dalam ilmu kalam di nusantara dapat dilihat melalui dua karya beliau, *kitab al-Irshad dan al-Shamil*. Kedua-dua karya tersebut telah menjadi sumber rujukan mazhab ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah serta digunakan juga sebagai rujukan utama di pusat-pusat pengajian Islam tradisional.

Adalah tidak syak lagi Imam al-Juwayni jika ditinjau dari pandangan tokoh sejarah Islam klasik dan moden menganggap beliau adalah seorang tokoh teologi transisi yang penting di antara tokoh-tokoh awal Ash'ari dengan tokoh-tokoh selepasnya bermula dengan Imam al-Ghazali, al-Razi, al-Iji dan seterusnya hinggalah ke zaman Abduh. Walaupun telah hampir satu alaf beliau pergi meninggalkan kita, namun idea dan sumbangan beliau terutamanya dalam bidang ilmu kalam masih lagi tersebar di seluruh pelusuk dunia Islam, termasuklah nusantara.

RUJUKAN

Ajhar, H. (1995) *The Theology of Unity of God in al-Juwayni's Irshad* Montreal: Mc Gill University

Al-Juwayni, (1948) *Al-'Aqidah Al-Nizamiyyah* Ed. Muhammad Zahid Al-Kawthari Cairo: Maktabah al-Nawar,

Al-Juwayni, (1969) *al-Shamil fi Usul al-Din* Ed Faysal Badir Awn Alexandria: Mansha'at al-Ma'arif.

Al-Juwayni, (1950) *Kitab al-Irshad ila Qawati al-Adillah fi Usul al-'itiqad* Ed. Muhammad Yusuf Musa Cairo: Maktabah al-Khanji

Al-Juwayni, (1987) *Luma' al-Adillah fi Qawaid ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* Ed. Fawqiyah Husayn Cairo: 'Alam Kutub

Al-Subki, Taj al-Din Abu Nasr, Abd al-Wahhab b. Ali. (1905) *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra* 6 vols. Cairo: Matba'ah al-Husayniyyah al-Misriyyah

Al-Qawsi, M.A.F. (1984) *Hawamish Ala al-Aqidah al-Nizamiyyah* Cairo: Dar al-Tiba'ah al-Muhamadiyyah

Brockelmann, C." al-Juwayni" *Encyclopedia of Islam*. New Ed. 4:605-606.

_____ "al-Djuwayni" *Shorter Encyclopedia of Islam* 93-94

_____ (1937) *Geschichte der Arabischen Litteratur* (GAL) Leiden: n.p.

Hartmann, R. "Djuwayn". *Encyclopedia of Islam* new ed.2: 604-605

Ibn Khallikan, Ahmad b. Muhammad, (1982) *Wafayat al-`Uyun wa Anba Abna al-Zaman* 2 vols, cairo: n.p

Jah, Omar (1969) *A Critical Analysis of the Concept of Ahwal of Abu Hashim* Montreal: Mc Gill University

Mahmud, F. H. (1960) *Al-Juwayni and His Doctrine of the Origination of the World* Edinburgh: Univ of Edinburgh,

Mahmud, F. H. (1970) *Al-Juwayni Imam Al-Haramayn*. Cairo: Hay' ah Al-Misriyyah

Uthman, Muhammad Ali (1986) *Abu al-Ma'ali al-Juwayni wa Ara'uhu fi `Ilm al-Kalam* Beirut: Alam al-Kutub,

Wolfson, H.A. (1976) *The Philosophy of the Kalam* Cambridge: Harvard University Press